

## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

**From:** Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)  
**Sent:** Monday, 14 March, 2016 1:02 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUMstudgroup  
**Subject:** SAPSP ONLINE: KAKITANGAN SAPSP MEREALISASIKAN "FREE FOOD FOR STUDENTS"



Pusat Pengajian  
Psikologi Gunaan, Dasar  
dan Kerja Sosial  
SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,  
SOCIAL WORK AND POLICY  
Universiti Utara Malaysia



**"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

**Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera**

Y.Bhg Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan



**SAPSP ONLINE:** Pada 14 Mac 2016 (Isnin), kakitangan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP), UUM CAS telah menyediakan makanan percuma kepada semua pelajar di Bangunan SAPSP. Program **"FREE FOOD FOR STUDENTS"** yang diadakan **sekali dalam seminggu mulai jam 8.00 pagi** mengikut hari yang telah ditetapkan oleh secretariat. Tujuannya adalah untuk menyediakan makanan kepada pelajar-pelajar terutamanya yang melibatkan pelajar yang kurang berkemampuan.

Pencetus idea program ini, iaitu Prof. Madya Dr. Noor Azniza Ishak (Dekan SAPSP) menggalakkan kakitangan akademik dan pentadbiran SAPSP untuk terus sama-sama menyumbang jamuan percuma kepada pelajar sebagai salah satu amal jariah. Buat julung kalinya program ini diadakan, sejumlah 150 bungkus nasi lemak, 50 bungkus roti, 50 air kotak dan 50 cawan air mineral telah disediakan kepada pelajar. Dalam pada itu, Dekan turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua penyumbang dengan kerjasama Kelab Sosial, Sukan dan Kebajikan SAPSP (SOSUKE) yang telah menyediakan jamuan kepada pelajar dan membantu merealisasikan program **"FREE FOODS FOR STUDENTS"** ini dengan jayanya.

Dalam pada itu, Presiden Kelab SOSUKE iaitu Pn. Sabasiah Harun, berharap setiap ahlinya dapat menyumbangkan makanan dengan ikhlas dan bersama-sama untuk membuat kebajikan kepada semua pelajar di UUM. Sesungguhnya *“tidaklah akan berkurang harta yang kita infaq/sedekahkan dengan ikhlas kerana Allah, melainkan Allah akan menggantikannya dengan berlipat ganda”*.

*School Of Applied Psychology, Social Work and Policy (SAPSP)*

**Email** : [sapsp@uum.edu.my](mailto:sapsp@uum.edu.my)



2